

TATACARA MENAMAKAN PROJEK PERUMAHAN DAN JALANRAYA DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN Pengerang

A. Nama Taman Perumahan / Bangunan / Pembangunan

- Kemukakan nama dan digalakkan memberikan 3 alternatif dan susun mengikut keutamaan.
- Sediakan justifikasi mengapa nama tersebut dipilih

B. Nama Jalan

- Kemukakan 5 salinan pelan cadangan nama jalan
- Sediakan justifikasi mengapa nama tersebut dipilih

C. Kelulusan Nama Jalan / Nama Taman

- Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang
- Kelulusan akhir oleh Pihak Berkuasa Negeri

D. Kelulusan Nama Bangunan / Pembangunan

- Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang
- Kelulusan akhir oleh Pihak Berkuasa Negeri

E. Garispanduan / rujukan

- Garispanduan menamakan syarikat, bangunan, kawasan perumahan, tempat awam dan jalan - edisi kedua - Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panduan Ejaan - Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siri Lembar Bahasa - Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kelulusan tertakluk kepada dasar - dasar / arahan semasa daripada Kerajaan Pusat / Kerajaan Negeri

F. Cara menamakan jalan (kriteria asas)

- Nama orang yang masih hidup tidak diterima kecuali dalam kes khas
- Nama kerabat diraja tidak diterima kecuali dalam kes khas
- Tidak menggunakan terlalu banyak nama. Perlu dizonkan dan ditambah dengan nombor. Contoh :- Jalan Cendana , Jalan Cendana 1, Jalan Cendana 1/1
- Nama-nama yang biasa digunakan:
 1. Nama pokok
 2. Nama bunga
 3. Nama batu permata
 4. Nama pembesar / orang terkenal
 5. Nama buahan
 6. Lain-lain nama yang indah dan tidak menimbulkan kontroversi.
- Tidak menggunakan nama yang telah digunakan di kawasan berdekatan

Contoh :-

1. Taman Desaru Utama Bandar Penawar - Menggunakan nama pokok - pokok kayu
2. Kawasan Perumahan Bandar Penawar - Tema kemakmuran (Jalan Aman, Jalan Damai dsbnya)
3. Jalan Utama Bandar Penawar - Nama Pembesar Negeri Johor
4. Bandar Tenggara - Jalan Panglima, Jalan Bendahara
5. Bandar Mas - Jalan Mutiara, Jalan Baiduri dsbnya.

Nota : Perlu disemak dari masa ke semasa.